KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN
# PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

## RABU, 21 JUN 2023

## LAPORAN HARIAN

Media Monitoring Report Prepared by:
*World Communications*

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



21/6/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 1 | **WANITA MAUT DIHEMPAP BUMBUNG SEKOLAH** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/264338/berita/semasa/wanita-maut-dihempap-bumbung-sekolah | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://malaysiagazette.com/2023/06/20/wanita-maut-dihempap-bumbung-sekolah/ | MALAYSIAGAZETTE.COM |
| | https://www.utusan.com.my/berita/2023/06/wanita-maut-dihempap-bumbung-sekolah-diterbangkan-ribut/ | UTUSAN.COM.MY |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/06/979516/wanita-maut-dihempap-bumbung | HMETRO.COM.MY |
| | https://malaysiagazette.com/2023/06/20/kkr-sedia-bantu-keluarga-wanita-maut-ditimpa-bumbung-sekolah/ | MALAYSIAGAZETTE.COM |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/06/1116644/wanita-maut-dihempap-bumbung-sekolah | BHARIAN.COM.MY |
| | https://www.utusan.com.my/video/2023/06/wanita-maut-dihempap-bumbung-sekolah-15-minit-terkini-20-jun-2023/ | UTUSAN.COM.MY |
| | https://www.youtube.com/watch?v=NecjPi40Jjw | YOUTUBE |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 2 | **PROGRAM DUTA KENALI UBAT ANDA DIPERLUAS KEPADA GOLONGAN OKU** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/06/20/program-duta-kenali-ubat-anda-diperluas-kepada-golongan-oku/ | KOSMO.COM.MY |
| | https://www.utusan.com.my/terkini/2023/06/program-duta-kenali-ubat-anda-diperluas-golongan-oku/ | UTUSAN.COM.MY |
| | https://malaysiagazette.com/2023/06/20/duta-kenali-ubat-anda-bantu-oku-dapatkan-informasi-tepat/ | MALAYSIAGAZETTE.COM |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/264423/berita/nasional/kkm-bakal-lantik-enam-duta-kenali-ubat-anda-oku | SINARHARIAN.COM.MY |

21/6/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 3 | **MANDATORY PRE-MARRIAGE COURSE UNLIKELY TO STEM DIVORCE RATE IN MALAYSIA, SAYS MINISTER** | |
| | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2023/06/20/mandatory-pre-marriage-course-unlikely-to-stem-divorce-rate-in-malaysia-says-minister/75469 | MALAYMAIL.COM |
| | https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/06/20/pre-marriage-courses-have-not-lowered-divorce-rates-says-nancy | THESTAR.COM.MY |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/06/979760/kursus-praperkahwinan-lppkn-tidak-diwajibkan-nancy | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.thesundaily.my/local/lppkn-s-pre-marital-course-won-t-be-compulsory-for-couples-who-wish-to-get-married-HD11129718 | THESUNDAILY.MY |
| | https://www.nst.com.my/news/nation/2023/06/922422/nancy-lppkns-pre-marital-course-wont-be-compulsory-couples-who-wish-get | NST.COM.MY |
| | https://merdeka.org/v2/pre-marriage-courses-have-not-lowered-divorce-rates-says-nancy/ | MERDELA.ORG |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 4 | **BAYI BARU DILAHIRKAN DITEMUI TEPI JALAN, MENINGGAL DUNIA SELEPAS DIMASUKKAN KE HOSPITAL** | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/06/1117040/bayi-baru-dilahirkan-ditemui-tepi-jalan-meninggal-dunia-selepas | BHARIAN.COM.MY |
| | https://www.hmetro.com.my/utama/2023/06/979758/bayi-lelaki-masih-bertali-pusat-dibuang-di-tepi-jalan-meninggal-ketika-dirawat | HMETRO.COM.MY |
| | https://harakahdaily.net/index.php/2023/06/20/bayi-lelaki-baharu-lahir-ditemukan-di-tepi-jalan/ | HARAKAHDAILY.NET |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/264511/berita/semasa/bayi-dibuang-meninggal-dunia-di-hospital | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/06/20/bayi-baru-lahir-ditemui-di-tepi-jalan/ | FREEMALAYSIATODAY.COM |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/06/20/bayi-baru-lahir-dibuang-tanpa-seurat-benang-di-kawasan-parkir/ | KOSMO.COM.MY |

21/6/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 5 | **BEKAS PENUNTUT KOLEJ SEBABKAN KEMATIAN BAYI DALAM TANDAS TERLEPAS HUKUMAN MATI** | |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/mahkamah/2023/06/bekas-penuntut-kolej-sebabkan-kematian-bayi-dalam-tandas-terlepas-hukuman-mati/ | UTUSAN.COM.MY |
| | https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2023/06/20/hakim-arah-pegawai-penjara-buka-gari-bekas-penuntut-kolej-terlepas-tali-gantung-kes-bayi-maut-dalam-tandas | MSTAR.COM.MY |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/06/20/bekas-mahasiswi-sebabkan-kematian-bayi-dalam-tandas-terlepas-hukuman-mati/ | KOSMO.COM.MY |
| | https://malaysiagazette.com/2023/06/20/sebabkan-kematian-bayi-baharu-lahir-bekas-penuntut-kolej-terlepas-hukuman-mati/ | MALAYSIAGAZETTE.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 6 | **KASIH KAKAK OKU JAGA ADIK HIDAP BARAH USUS TAHAP EMPAT** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/06/979508/kasih-kakak-oku-jaga-adik-hidap-barah-usus-tahap-empat | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.nst.com.my/news/nation/2023/06/922152/disabled-sister-takes-role-caring-sibling-stage-four-cancer | NST.COM.MY |
| | https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2023/06/1116639/kakak-oku-setia-jaga-adik-hidap-barah-usus-tahap-empat | BHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 7 | **IBU TUNGGAL BANGUN SEAWAL 3 PAGI KUPAS JAGUNG UNTUK SARA ANAK** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/264356/edisi/melaka-ns/ibu-tunggal-bangun-seawal-3-pagi-kupas-jagung-untuk-sara-anak | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/06/979580/ikat-perut-dengan-minum-kopi | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2023/06/1116728/wanita-muallaf-sanggup-ikat-perut-demi-anak-anak | BHARIAN.COM.MY |

21/6/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 8 | **NESTLÉ GALAK PEMAKANAN LEBIH SIHAT MENERUSI KEMPEN 'BERSAMA DI DAPUR'** | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/06/1116915/nestl%C3%A9-galak-pemakanan-lebih-sihat-menerusi-kempen-bersama-di-dapur | BHARIAN.COM.MY |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/06/20/kempen-bersama-di-dapur-didik-kanak-kanak-pilih-makanan-sihat/ | KOSMO.COM.MY |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/06/1117030/nestl%C3%A9-malaysia-lancar-kempen-bersama-di-dapur-galak-amalan | BHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 9 | **EKSEKUTIF WANITA DIDAKWA PECAH AMANAH LEBIH RM680,000** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/06/20/eksekutif-wanita-didakwa-pecah-amanah-lebih-rm680000/ | KOSMO.COM.MY |
| | https://malaysiagazette.com/2023/06/20/eksekutif-wanita-nafi-songlap-hampir-rm700000/ | MALAYSIAGAZETTE.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 10 | **WANITA AMANAH PKR, KELANTAN HANTAR SENARAI CALON PRN** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/264402/berita/politik/wanita-amanah-pkr-kelantan-hantar-senarai-calon-prn | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/264482/berita/politik/prn-kelantan-dewan-muslimat-mahu-ramai-calon-wanita | SINARHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 11 | **RISAU KES DERA KANAK-KANAK NAIK MENDADAK** | |
| | https://www.utusan.com.my/rencana/forum/2023/06/risau-kes-dera-kanak-kanak-naik-mendadak/ | UTUSAN.COM.MY |

21/6/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 12 | **MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG KPWKM TAHUN 2022** | |
| | https://www.facebook.com/kpwkm/posts/pfbid02PkyWkqT5nkoc2ed5fYQGYA65qcMCSTNkcPy6RNhhsRJ8qAbQhaLua8FwDvztHzqyl | FACEBOOK |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/06/20/terap-nilai-kasih-sayang-supaya-lebih-berdedikasi-amanah-di-tempat-kerja/ | KOSMO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 13 | **MANFAATKAN TALIAN KASIH JIKA ADA KES TEKANAN JIWA - NANCY** | |
| | https://malaysiagazette.com/2023/06/20/manfaatkan-talian-kasih-jika-ada-kes-tekanan-jiwa-nancy/ | MALAYSIAGAZETTE.COM |
| | https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/semasa/65785-masalah-tekanan-jiwa-segera-salurkan-maklumat | BERITA.RTM.GOV.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 14 | **MINISTRY KEEN TO RESOLVE ADOPTED CHILDREN ISSUE, SAYS FATIMAH** | |
| | https://www.theborneopost.com/2023/06/20/ministry-keen-to-resolve-adopted-children-issue-says-fatimah/ | THEBORNEOPOST.COM |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/06/979655/rahsia-huruf-k-bagi-orang-sarawak | HMETRO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 15 | **SUSPEK KES RAGUT WANITA WARGA ASING DIREMAN 5 HARI** | |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/06/suspek-kes-ragut-wanita-warga-asing-direman-5-hari/ | UTUSAN.COM.MY |
| | https://malaysiagazette.com/2023/06/20/orang-awam-cekup-lelaki-samun-wanita-warga-asing/ | MALAYSIAGAZETTE.COM |

21/6/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 16 | **CAHAYA SOCIETY SOKONG KPM TELITI PINDAAN PERATURAN 1998** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/264335/berita/nasional/cahaya-society-sokong-kpm-teliti-pindaan-peraturan-1998 | SINARHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 19 | **NICOL BIMBING PENGAMAL MEDIA MAIN SKUASY** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/06/20/nicol-bimbing-pengamal-media-main-skuasy/ | KOSMO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 20 | **USAHAWAN KOSMERTIK, YAYASAN IKHLAS ZIARAH PEMUDAH BERAT 10KG** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/264351/edisi/terengganu/usahawan-kosmetik-yayasan-ikhlas-ziarah-pemuda-berat-10kg | SINARHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 21 | **PENURUNAN KETARA KADAR KEMATIAN BAYI DAN IBU BERSALIN - KKM** | |
| | https://sarawakvoice.com/penurunan-ketara-kadar-kematian-bayi-dan-ibu-bersalin-kkm/ | SARAWAKVOICE.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 22 | **JPN MASUK HUTAN BANTU KAUM TEMIAR** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/06/979501/jpn-masuk-hutan-bantu-kaum-temiar | HMETRO.COM.MY |

21/6/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 23 | PEMUDA SANGGUP MEMBUJANG MAHU JAGA KEMBAR OKU | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/06/20/pemuda-sanggup-membujang-mahu-jaga-kembar-oku/ | KOSMO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 24 | JANGAN SALAHKAN KERAJAAN SAHAJA ISU TIDAK MINAT BELAJAR | |
| | https://www.utusan.com.my/rencana/forum/2023/06/jangan-salahkan-kerajaan-sahaja-isu-tidak-minat-belajar/ | UTUSAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 25 | SMG GETS AWARD FOR SUSTAINABILITY DEVELOPMENT | |
| | https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/06/20/smg-gets-award-for-sustainability-development | THESTAR.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 26 | PENGANJURAN SUKAN KANAK-KANAK CATAT MALAYSIA BOOK OF RECORDS | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/264368/edisi/selangor-kl/penganjuran-sukan-kanak-kanak-catat-malaysia-book-of-records | THESTAR.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 27 | PSA CIPTA ABM FARDU AIN DAN PERMAINAN SOZLER BRAILLE UNTUK OKU PENGLIHATAN | |
| | https://malaysiagazette.com/2023/06/20/psa-cipta-abm-fardu-ain-dan-permainan-sozler-braille-untuk-oku-penglihatan/ | MALAYSIAGAZETTE.COM |

21/6/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 28 | **BEKAS PENUNTUT KOLEJ SEBABKAN KEMATIAN BAYI DALAM TANDAS TERLEPAS HUKUMAN MATI** | |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/mahkamah/2023/06/bekas-penuntut-kolej-sebabkan-kematian-bayi-dalam-tandas-terlepas-hukuman-mati/ | UTUSAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 29 | **BREAKING THE SILENCE: EMPOWERING VICTIMS SEXUAL ASSAULT REPORT HEINOUS ACTS** | |
| | https://www.nst.com.my/news/nation/2023/06/922163/breaking-silence-empowering-victims-sexual-assault-report-heinous-acts | NST.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 30 | **PELAJAR WANITA MAUT MOTOSIKAL TERBABAS** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/06/979665/pelajar-wanita-maut-motosikal-terbabas | HMETRO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 31 | **LOHONG HITAM RAKSASA SEMARAKKAN NAMA SAINTIS ASTRONOMI MALAYSIA** | |
| | https://www.bharian.com.my/wanita/lain-lain/2023/06/1116769/lohong-hitam-raksasa-semarakkan-nama-saintis-astronomi-malaysia | BHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 32 | **GOVT AIMS TO END POVERTY BY 2030** | |
| | https://www.thesundaily.my/home/govt-aims-to-end-poverty-by-2030-OD11124831 | THESUNDAILY.MY |

21/6/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 33 | **'URAT SARAF TANGAN SAJA PUTUS, KUDRAT MASIH SAMA'** | |
| | https://www.hmetro.com.my/utama/2023/06/979732/urat-saraf-tangan-saja-putus-kudrat-masih-sama | HMETRO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 34 | **INISIATIF CSR PROLINTAS & YAKEB DIPERAKUI YB ADAM ADLI, TIMBALAN MENTERI BELIA & SUKAN DI PARLIMEN** | |
| | https://www.youtube.com/watch?v=ZUoKf0m30cY | YOUTUBE |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 35 | **“LANS KOPERAL JANGAN BAGI SAYA ARAHAN” - LAGI RAKAMAN PEGAWAI POLIS WANITA PERLEKEH ANGGOTA BAWAHAN, KALI INI VIDEO DALAM BALAI** | |
| | https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2023/06/20/lans-koperal-jangan-bagi-saya-arahan---lagi-rakaman-pegawai-polis-wanita-perlekeh-anggota-bawahan-kali-ini-video-dalam-balai | MSTAR.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 36 | **WACANA ILMU WANITA INSPIRASIKU** | |
| | https://umno-online.my/2023/06/20/wacana-ilmu-wanita-inspirasiku-2/ | UMNO-ONLINE.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 37 | **INI ANTARA KES KANAK-KANAK YANG MASIH HILANG DI NEGARA KITA. KEBANYAKANNYA MASIH MENJADI MISTERI** | |
| | https://sinarplus.sinarharian.com.my/fyi/eh-apa-tu/ini-antara-kes-kanak-kanak-yang-masih-hilang-di-negara-kita-kebanyakannya-masih-menjadi-misteri/ | SINARHARIAN.COM.MY |

21/6/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 38 | **PSA CIPTA ALAT BANTU MENGAJAR FARDU AIN UNTUK KANAK-KANAK, OKU** | |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/06/psa-cipta-alat-bantu-mengajar-fardu-ain-untuk-kanak-kanak-oku/ | UTUSAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 39 | **'DIPANGGIL HANTU, AQIL RIZQI TETAP COMEL DI MATA KAMI'** | |
| | https://www.hmetro.com.my/utama/2023/06/979707/dipanggil-hantu-aqil-rizqi-tetap-comel-di-mata-kami | HMETRO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 40 | **'YANG PENTING JAGA HUBUNGAN DENGAN ALLAH'** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/06/979683/yang-penting-jaga-hubungan-dengan-allah | HMETRO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 41 | **POLITEKNIK SULTAN SALAHUDDIN SHAH CIPTA ALAT BANTU MENGAJAR, PEMAINAN BRAILLE** | |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/06/politeknik-sultan-salahuddin-shah-cipta-alat-bantu-mengajar-pemainan-braille/ | HMETRO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 42 | **LUMPUH SEPARUH BADAN, ARIFF GIGIH CAPAI IMPIAN** | |
| | https://www.hmetro.com.my/utama/2023/06/979719/lumpuh-separuh-badan-ariff-gigih-capai-impian | HMETRO.COM.MY |

21/6/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 43 | **MAIM TAMBAH BAIK SYARAT KPI, TEMUDUGA PERKAHWINAN ISLAM** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/264493/edisi/melaka-ns/maim-tambah-baik-syarat-kpi-temuduga-perkahwinan-islam | SINARHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 44 | **WARGA EMAS RUGI LEBIH RM200,000 DITIPU ‘PEGAWAI POLIS’** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/06/20/warga-emas-rugi-lebih-rm200000-ditipu-pegawai-polis/ | KOSMO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 45 | **RUMAH ORANG TUA BERGELUT UNTUK TERUS BERTAHAN** | |
| | https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/448572 | THEMALAYSIANINSIGHT.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 46 | **GENGTERISME JALANAN PERLU DIPANDANG SERIUS** | |
| | https://malaysiagazette.com/2023/06/20/gengterisme-jalanan-perlu-dipandang-serius/ | MALAYSIAGAZETTE.COM |

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | BEKAS PENUNTUT KOLEJ DIBEBASKAN DAKWAAN SEBABKAN KEMATIAN BAYI | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 21 JUN 2023 | M/SURAT | : | 08 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Bekas penuntut kolej dibebaskan dakwaan sebabkan kematian bayi

**Putrajaya:** Seorang bekas penuntut kolej dekat Bukit Kayu Hitam, Kedah, menangis sejurus dibebaskan selepas menjalani hukuman penjara sembilan tahun atas kesalahan menyebabkan kematian bayi baru dilahirkan.

Panel tiga Hakim Mahkamah Rayuan dipengerusikan Datuk Hadhariah Syed Ismail yang bersidang bersama Datuk Azman Abdullah dan Mohamed Zaini Mazlan, semalam sebulat suara mengarahkan Nur Izzati Adi, 26, dibebaskan serta-merta.

Keputusan itu dibuat selepas pihak pendakwaan dan peguam Nur Izzati sebagai perayu bersetuju supaya sabitan dikenakan mengikut Seksyen 309A Kanun Keseksaan (KK) berbanding Seksyen 302 KK sebelum ini yang memperuntukkan hukuman gantung.

Hadhariah meminta wadar Jabatan Penjara membuka gari Nur Izzati bagi membolehkan wanita berkenaan dibebaskan.

"Perayu disabitkan di bawah Seksyen 309A KK yang boleh dihukum di bawah Seksyen 309B KK (hukuman penjara maksimum 20 tahun) dan memerintahkannya menjalani hukuman penjara selama sembilan tahun dari tarikh tangkap, 30 Mac 2017.

"(Nur Izzati) boleh berjalan keluar dari mahkamah dengan lapang dada, sudah bebas," katanya.

## Bersalah membunuh bayi

Mahkamah Tinggi Alor Setar pada 14 Jun 2020 menjatuhkan hukuman mati terhadap wanita berkenaan selepas didapati bersalah kerana membunuh bayi lelaki, namun diperintahkan menjalani hukuman penjara sementara menunggu proses rayuan.

Pada 10 April 2017, bekas penuntut kolej itu dihadapkan ke Mahkamah Majistret Jitra atas pertuduhan menyebabkan kematian bayi lelaki di tandas kolej, pada 30 Mac tahun sama.

Nur Izzati didakwa menyebabkan kematian ke atas seorang bayi dengan tekupan atau kelemasan di tandas perempuan aras tiga Kolej Pertanian Malaysia Bukit Kayu Hitam jam 5.20 petang pada 30 Mac 2017.

Terdahulu ketika prosiding, Timbalan Pendakwa Raya, Mohammed Mokhzani Faris Mokhtar, berkata peguam Izzati menghantar representasi kepada Jabatan Peguam Negara (AGC) pada 11 April lalu, sebelum pihaknya menawarkan pendakwaan kes itu di bawah Seksyen 309A KK yang boleh dihukum di bawah Seksyen 309B KK.

"Saya percaya pihak peguam sudah berbincang dengan keluarga (Nur Izzati) dan mereka bersetuju untuk menerima tawaran balas berkenaan," katanya.

Susulan itu, peguam bela Nur Izzati, Datuk Amirul Ridzuan Hanif, mengesahkan mengenai persetujuan berkenaan.

"Benar, setelah berbincang dengan perayu (Nur Izzati) dan keluarganya, mereka bersetuju terima tawaran itu.

"Kami mencadangkan hukuman yang sesuai penjara selama sembilan tahun bermula tarikh tangkap 30 Mac 2017. Itu adalah cadangan pihak perayu demi menyelesaikan kes pada hari ini (semalam)," katanya.

Mohammed Mokhzani Faris tidak membantah cadangan berkenaan.



*Nur Izzati berjalan keluar dari mahkamah apabila dibebaskan selepas menjalani hukuman penjara selama sembilan tahun atas kesalahan menyebabkan kematian bayi yang baru dilahirkan.* (Foto Faris Fuad/BH)

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | ISTERI HIDAP KANSER USUS JAGA SUAMI KENCING MANIS | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 21 JUN 2023 | M/SURAT | : | 19 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Isteri hidap kanser usus jaga suami kencing manis

**Kuala Terengganu:** Seorang isteri yang menghidap kanser usus mengetepikan penderitaannya demi menguruskan suami yang turut sakit.

Norhayati Harun, 43, berkata suaminya, Mohd Husaini Husin, 42, menghidap penyakit kencing manis menyebabkan kaki kiri dipotong 31 Mei lalu.

Menurutnya, dia terpaksa menguruskan suami yang tidak lagi mampu berjalan selepas kaki dipotong pada paras lutut.

"Saya disahkan menghidap kanser usus tahap empat enam bulan lalu dan menjalani pembedahan memotong usus akhir tahun lalu.

"Saya diuji lagi apabila kesihatan suami yang menghidap penyakit kencing manis sejak 18 tahun lalu semakin teruk.

"Kini saya bukan sahaja perlu bertarung dengan kanser usus, malah perlu menguruskan suami," katanya yang ditemui di Kampung Gong Gemia di sini, semalam.

Norhayati berkata, sebelum ini mereka bergantung sepenuhnya kepada suami bagi mencari sumber pendapatan keluarga.

Katanya, suami mengambil upah membaik pulih barangan elektrik dengan pendapatan tidak menentu.




*Norhayati menguruskan suami yang kehilangan sebelah kaki akibat kencing manis di kediaman mereka di Kampung Gong Gemia, Kuala Terengganu.* (Foto Faizul Azlan Razak/BH)

"Selepas kehilangan anak kedua akibat kemalangan dua minggu lalu, kami bergantung harap sepenuhnya kepada anak sulung yang juga orang kurang upaya pembelajaran, Muhammad Hairie Fitri Mohd Husaini, 20, membantu urus ayahnya dan mencari belanja.

"Anak ambil upah membuat air di kedai bapa saudara, selain menjaga kuda di Lembah Bidong, Setiu dengan hasil RM400 sebulan," katanya.

Norhayati berkata, dia kini buntu memikirkan sumber kewangan bagi membeli lampin pakai buang, susu dan ubat selepas suami tidak lagi bekerja.

"Kami perlu RM1,000 sebulan untuk beli susu khas, lampin pakai buang dan ubat suami, manakala saya perlukan pakai beg plastik khas di perut.

"Saya juga perlu katil dan kerusi roda untuk mudah urus suami ke bilik air dan bergerak dalam rumah," katanya yang mempunyai anak bongsu, Maryam Hana Fatieha Mohd Husaini berusia tujuh tahun.

Orang ramai yang ingin membantu boleh salur sumbangan ke akaun BSN 111002900068412 atas nama Norhayati Harun

TAJUK : STATUS MALAYSIA PADA TAHAP 2 PEMERHATIAN

HARI : RABU | AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 21 JUN 2023 | M/SURAT : 09

TONE : POSITIF | SEKTOR : KPWKM

Isu pemerdagangan orang

# Status Malaysia pada Tahap 2 Pemerhatian

## Negara capai kemajuan ketara tingkat kedudukan dalam TIP

**Kuala Lumpur:** Status Malaysia pada Tahap 2 Pemerhatian menerusi Laporan Tahunan Pemerdagangan Orang (TIP) Jabatan Negara Amerika Syarikat (JNAS) 2023, menandakan kemajuan ketara dalam menangani isu pemerdagangan orang di negara ini, berbanding tahun-tahun sebelumnya.

Justeru, Pengerusi Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) Prof Datuk Rahmat Mohamad, berkata organisasi itu memuji usaha bersepadu kerajaan dan semua pihak berkepentingan dalam meningkatkan kedudukan TIP negara.

"Langkah diambil kerajaan, mencerminkan komitmen memerangi pemerdagangan orang dan mengiktiraf kepentingan untuk keluar daripada Tahap 3, bagi mengelakkan sekatan eksport produk tempatan," katanya dalam kenyataan, malam kelmarin.

### Lindungi hak asasi

Sebagai organisasi yang komited dalam mempromosi dan melindungi hak asasi manusia termasuk memerangi pemerdagangan orang, Rahmat berkata SUHAKAM tetap teguh dalam menyokong inisiatif yang bertujuan untuk membasmi jenayah itu.

Beliau menyifatkan kerjasama antara kerajaan, organisasi masyarakat sivil dan pihak berkepentingan, penting untuk merealisasikan objektif Pelan Tindakan Kebangsaan mengenai Antipemerdagangan Orang 2021-2025 (NAPTIP 3.0), dan Pelan Tindakan Kebangsaan Mengenai Buruh Paksa 2021-2025 (NAPFL).

SUHAKAM juga mengulangi saranannya kepada kerajaan, untuk meningkatkan usaha bagi menghalang, menerajui pembasmian pemerdagangan orang, penyeludupan migran dan memastikan perlindungan sepenuhnya serta bantuan kepada mangsa pemerdagangan dan penyeludupan di setiap peringkat.

Laporan TIP yang dikeluarkan 15 Jun, menunjukkan kedudukan Malaysia naik daripada Tahap 3 ke Tahap 2 Pemerhatian, sementara menyarankan agar Malaysia memberi penekanan kepada kes pemerdagangan orang yang membabitkan penjawat awam serta menambah baik kerjasama antara agensi. BERNAMA

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | WANITA MAUT KERANA HEMPAP BUMBUNG SEKOLAH 'TERBANG' | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 21 JUN 2023 | M/SURAT : | 16 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR : | KPWKM |

# Wanita maut kena hempap bumbung sekolah 'terbang'

## Struktur diterbangkan ribut sebelum jatuh menimpa rumah mangsa

**Oleh Ahmad Ismail**
bhnews@bh.com.my

**Segamat:** Seorang wanita maut selepas bahagian bumbung sebuah sekolah terletak berhampiran, diterbangkan ribut sebelum menghempap kediamannya dalam kejadian di Kampung Tahang Rimau dekat sini, malam kelmarin.

Kejadian berlaku kira-kira 7.40 malam, menyebabkan mangsa, V Mahadevi, 55, yang ketika itu dipercayai berada di bahagian dapur rumahnya mati di tempat kejadian.

Komander operasi bomba dan penyelamat, Abd Rahim Rahmat, berkata pihaknya menerima panggilan kecemasan berhubung runtuhan bumbung Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK) Seg Hwa itu sejurus kejadian.

Beliau berkata, runtuhan bumbung berkeluasan 5,400 kaki persegi itu diterbangkan angin sebelum menghempap kediaman mangsa yang terletak bersebelahan sekolah terbabit.

"Mangsa berjaya dibawa keluar dengan bantuan orang awam sebelum disahkan meninggal dunia oleh pasukan perubatan yang tiba di lokasi," katanya.

Jiran mangsa yang juga buruh binaan, Arif Budiman, 37, berkata kawasan kampung terbabit mengalami hujan lebat dan petir mulai jam 7 malam.

Beliau berkata, sebaik mendengar jeritan jirannya meminta pertolongan, dia bergegas ke rumah itu sebelum mendapati ruang dapur rumah jirannya sudah dihempap bumbung sekolah.

"Saya berusaha menarik mangsa yang ketika dalam keadaan tertiarap dan tersepit di bahagian pinggang. Keadaan hujan lebat membuatkan usahanya membantunya sangat mencabar.

"Jiran-jiran turut datang membantu sebelum kami berjaya mengeluarkan mangsa," katanya.

Sementara itu abang ipar mangsa, Tamil Selvam Periyasamy Bala, 55, berkata Mahadevi tinggal di rumah itu bersama suami, P Saravanan, 57, dan seorang lagi adiknya, V Bala, 51.

### 20 keluarga terjejas

Sementara itu, jurucakap Angkatan Pertahanan Awam (APM) Segamat berkata, ribut yang membadai daerah ini malam kelmarin, turut menjejaskan bumbung Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Segamat.

Katanya, kawasan yang paling teruk terjejas adalah Mukim Sungai Segamat yang membabitkan 20 keluarga sekitar Kampung Tahang Rimau, Kampung Jawa dan Kampung Tengah.

Kira-kira 15 kediaman turut terjejas sekitar Mukim Gemereh dan Mukim Pogoh, selain beberapa gerai peniaga turut dibadai ribut berkenaan.

Sementara itu, Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa yang juga Ahli Parlimen Sekijang, bergegas pulang dari Kuala Lumpur untuk menyantuni keluarga penduduk yang menjadi mangsa kejadian ribut itu.

Sambil menzahirkan rasa simpati, Dr Zaliha akan mengadakan pertemuan dengan Pegawai Daerah Segamat bagi mengenal pasti jumlah sebenar mangsa dan kemusnahan yang dialami sebelum menyusun bantuan.



*Keadaan rumah V Mahadevi (gambar kecil) yang dihempap bumbung sekolah dalam kejadian ribut di Kampung Tahang Rimau, Segamat.*
(Foto ihsan JBPM)

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

TAJUK : 'BUKA GARINYA SERTA-MERTA!'

HARI : RABU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 21 JUN 2023

M/SURAT : 08

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

# 'Buka garinya serta-merta!'

***Mahkamah Rayuan bebas bekas penuntut kolej sebab kematian bayi baru lahir 6 tahun lalu***

Oleh Suraya Roslan
surayaroslan@mediaprima.com.my

**Putrajaya**

Seorang bekas penuntut kolej di Bukit Kayu Hitam, Kedah menangis sejurus dibebaskan oleh Mahkamah Rayuan di sini, semalam selepas menjalani hukuman penjara atas kesalahan menyebabkan kematian bayi lelaki yang baru dilahirkan dalam tandas kolej itu, enam tahun lalu.

Panel tiga hakim dipengerusikan Datuk Hadhariah Syed Ismail yang bersidang bersama Datuk Azman Abdullah dan Mohamed Zaini Mazlan secara sebulat suara mengarahkan Nur Izzati Adi, 26, yang sebelum ini dijatuhi hukuman sembilan tahun penjara dibebaskan serta-merta dan meminta warden Jabatan Penjara membuka gari wanita itu bagi membolehkan wanita berkenaan dibebaskan.

> *Saya beri arahan kepada pihak penjara supaya membuka garinya serta-merta supaya perayu boleh berjalan keluar dari mahkamah dengan lapang dada"*
>
> ***Hakim Hadhariah***

"Saya beri arahan kepada pihak penjara supaya membuka garinya serta-merta supaya perayu boleh berjalan keluar dari mahkamah dengan lapang dada," kata Hakim Hadhariah.

Nur Izzati dilihat menyapu air matanya dan selepas dibawa keluar dari kamar mahkamah oleh beberapa pegawai penjara, wanita itu yang menjalani hukuman di Penjara Pokok Sena, Kedah dilihat berpelukan dengan ahli keluarga yang hadir mengikuti prosiding rayuan itu.

Terdahulu, keputusan itu dibuat selepas pihak pendakwaan dan peguam Nur Izzati sebagai perayu bersetuju supaya sabitan dikenakan mengikut Seksyen 309A Kanun Keseksaan berbanding Seksyen 302 KK sebelum ini yang memperuntukkan hukuman gantung.

"Perayu disabitkan di bawah Seksyen 309A KK yang boleh dihukum di bawah Seksyen 309B KK (hukuman penjara maksimum 20 tahun) dan memerintahkannya menjalani hukuman penjara sembilan tahun dari tarikh tangkap, 30 Mac 2017," katanya.

Sebelum ini, Mahkamah Tinggi Alor Setar pada 14 Jun 2020 menjatuhkan hukuman mati terhadap wanita berkenaan selepas didapati bersalah kerana membunuh bayi lelaki namun diperintahkan menjalani hukuman penjara sementara menunggu proses rayuan.



NUR Izzati dibebaskan oleh Mahkamah Rayuan Putrajaya.

Pada 10 April 2017, bekas penuntut kolej itu dihadapkan ke Mahkamah Majistret Jitra atas pertuduhan menyebabkan kematian bayi lelaki di tandas kolej pada 30 Mac tahun sama.

Tertuduh, Nur Izzati, mengangguk faham selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Majistret, Nur Fadrina Zulkhairi namun tiada pengakuan direkodkan.

Berdasarkan pertuduhan, Nur Izzati didakwa menyebabkan kematian ke atas seorang bayi dengan tekupan atau kelemasan di tandas perempuan aras tiga Kolej Pertanian Malaysia Bukit Kayu Hitam jam 5.20 petang pada 30 Mac 2017.

Terdahulu ketika prosiding, Timbalan Pendakwa Raya, Mohammed Mokhzani Faris Mokhtar berkata, peguam Izzati menghantar representasi kepada Jabatan Peguam Negara (AGC) pada 11 April lalu sebelum pihaknya menawarkan pendakwaan kes itu mengikut Seksyen 309A KK yang boleh dihukum mengikut Seksyen 309B KK.

"Saya percaya pihak peguam sudah berbincang dengan keluarga (Nur Izzati) dan mereka bersetuju untuk menerima tawaran balas berkenaan," katanya.

Susulan itu, peguam bela Nur Izzati, Datuk Amirul Ridzuan Hanif, mengesahkan mengenai persetujuan berkenaan.

"Benar, setelah berbincang dengan perayu (Nur Izzati) dan keluarganya, mereka bersetuju terima tawaran itu.

"Kami mencadangkan hukuman sesuai penjara selama sembilan tahun bermula tarikh tangkap 30 Mac 2017. Itu cadangan pihak perayu demi menyelesaikan kes pada hari ini," katanya.

Mohammed Mokhzani Faris tidak membantah cadangan berkenaan.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | 'HATI TERGURIS NAMUN KAMI REDA' | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 21 JUN 2023 | M/SURAT | : | 04 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# 'Hati terguris namun kami reda'

## *Aqil Rizqi hidap Sindrom Cruzon tabah jalani hidup seharian meskipun dihina*

Oleh Noor Hidayah Tanzizi
hidayah.tanzizi@hmetro.com.my

**Tumpat**

"Aqil Rizqi adalah anugerah terindah buat saya dan isteri, malah dia sempurna dan paling comel di mata kami biarpun orang lain melihatnya berbeza," kata Mohd Azaharie Che Kadir, 41.

Aqil Rizqi, 11, adalah penghidap penyakit Sindrom Cruzon sejak lahir iaitu kecacatan dengan kelainan bentuk tengkorak kepala yang mana proses pengerasan tengkorak kepala bayi dalam kandungan terlalu cepat.

Ia sekali gus menyebabkan bentuk kepala, wajah bayi mempunyai kelainan dan otak tidak boleh berkembang dalam tempurung kepala.

Kanak-Kanak itu turut diuji apabila lehernya juga ditebuk bagi tujuan *bypass* pernafasan, malah mata kanan hampir terkeluar dan buta akibat tekanan dalam tengkorak kepala selain masalah pendengaran dan tidak boleh bercakap dengan sempurna.

Mohd Azaharie berkata, keadaan fizikal Aqil Rizqi sering menjadi perhatian ketika berada di tempat umum, malah mengakui ada individu yang memberikan maklum balas negatif terhadap anaknya.

Menurutnya, dia dan isteri, Nor Maizura Sidek, 37, tidak pernah berasa malu dengan keadaan Aqil Rizqi serta tetap membawa anak sulung daripada tiga beradik itu bergaul dengan masyarakat.

"Kami sudah biasa mendengar panggilan 'hantu' dan *alien* merujuk kepada Aqil Rizqi, tetapi biasanya kanak-kanak yang cakap. Saya tidaklah terasa hati sangat sebab kanak-kanak tidak tahu apa, masih kecil.

"Tetapi apabila melihat reaksi orang dewasa yang seolah-olah geli melihat Aqil Rizqi, ia mengguris hati namun kami reda dengan ujian Allah SWT dan kekurangan anak tidak pernah mengubah kasih sayang padanya," katanya ketika dihubungi Harian Metro.

Katanya, lebih menyedihkan apabila Aqil Rizqi juga sudah mula memahami situasi itu berasa rendah diri apabila menyorok di belakangnya setiap kali ada individu memandangnya.

"Aqil Rizqi fobia tapi kami tetap bawa dia keluar untuk membina keyakinan dirinya dan mahu dia bergaul serta berada dalam masyarakat," katanya yang tinggal di Kampung Padang Rokma, Wakaf Bharu di sini.

Bercerita lanjut mengenai penyakit anaknya, Mohd Azaharie berkata, ketika berusia dua tahun, Aqil Rizqi pernah menjalani pembedahan besar pada tengkorak kepala untuk membuat ruang otak mengembang.

Dia yang juga kakitangan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) Kelantan berkata, tanpa pengembangan otak menyebabkan saluran pernafasan dan pendengaran anaknya menjadi sempit, malah Aqil Rizqi tidak boleh bercakap, mendengar dan bernafas dengan sempurna.

"Kami memang tak tahu keadaan anak lagipun ketika itu kami juga tidak membuat pemeriksaan imbasan kandungan secara terperinci, hanya yang biasa saja.

"Apabila dia dilahirkan, doktor terkejut melihat wajah Aqil Rizqi dan ketika itu juga anak sesak nafas.

"Pada mulanya kami memang sedih, bukan kerana malu atau tidak dapat menerimanya, tetapi bimbang keadaan dan masa depannya terutama apabila kami tiada nanti.

"Sebab itu kami mahu membina keyakinan dirinya dan mahu dia berani berada dalam komuniti kita, tidak berasa terasing dengan keadaan fizikalnya.

Anak juga bersekolah Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) Sekolah Kebangsaan Sri Wakaf Bharu," katanya.

Katanya, Aqil Rizqi memakai *tracheostomy tube*, *suction tube* dan *suction machine* yang perlu ditukar selalu, namun anaknya hanya menjalani pemeriksaan secara berkala saja, tiada rawatan lain setakat ini.

"Aqil Rizqi boleh menguruskan diri dan perkembangan diri juga baik, dia suka bersembang walaupun kita sukar memahami butir percakapannya," katanya memberi tahu isterinya sanggup berhenti kerja untuk menjaga anaknya itu.

> "Kami sudah biasa dengar panggilan 'hantu' dan alien merujuk kepada Aqil Rizqi
> Mohd Azaharie



AQIL Rizqi bersama bapa, Mohd Azaharie dan ibunya, Nor Maizura serta adik-adiknya.



AQIL Rizqi boleh menguruskan diri dan perkembangan diri juga baik, dia suka bersembang walaupun sukar memahami butir percakapannya.




AQIL Rizqi menghidap penyakit Sindrom Cruzon sejak lahir.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | 'SAYA HALALKAN DUIT YANG ANAK SEDEKAH' | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 21 JUN 2023 | M/SURAT | : | 09 |
| TONE | : | NEUTRAL | SEKTOR | : | KPWKM |

# 'Saya halalkan duit yang anak sedekah'

**Seberang Perai:** "Ada ibu bapa menghubungi saya mahu pulangkan duit itu tapi tak mengapa, saya halalkan," kata Erwan Mohammad Nordin, 36, selepas mengetahui wang yang disangka hilang sebenarnya dibawa anaknya ke sekolah dan 'disedekahkan' kepada rakan sekelas.

Semuanya berlaku apabila Nur Ayrazia Rizqa Erwan, 6, secara tidak sengaja terbawa beg plastik mengandungi wang milik bapanya yang berjumlah RM1,500 itu ke sekolah pada 13 Jun lalu.

Kisah itu tular dan mendapat perhatian netizen selepas Erwan memuat naik video di TikTok menunjukkan penemuan semula wangnya yang hilang itu.

Berkongsi kisah sebenar, Erwan yang juga pemilik restoran berkata, wang berkenaan diisi dalam plastik yang sudah diikat dan tidak sedar bagaimana boleh tersalah letak hingga dibawa anak keduanya itu ke sekolah.

"Hari kejadian itu, anak saya pakai beg sekolah baru. Mungkin disebabkan beg itu kosong jadi dia tidak tahu mahu isi apa kemudian mungkin terambil beg plastik berisi wang itu.

"Selepas sedar kehilangan duit itu, saya cuba cari namun tak jumpa dan fikir nak halalkan saja walaupun nak guna untuk bayar barang niaga.



WANG ditemui dalam beg sekolah Nur Ayrazia Rizqa.

"Dalam masa sama anak saya ada bercerita yang dia bantu rakan sekolah tapi saya hanya sekadar mendengar saja.

"Entah macam mana ketika perjalanan pulang selepas mengambilnya di sekolah, saya buka begnya dan jumpa banyak duit kertas yang jumlahnya RM600," katanya ketika dihubungi Harian Metro.

Ketika itu, Erwan sedar bahawa wang berkenaan adalah kepunyaannya yang hilang itu dan menghubungi guru di sekolah untuk mendapat kepastian sebelum dimaklumkan ada murid yang menerima wang pemberian Nur Ayrazia Rizqa.

"Menurut gurunya, ada murid terima RM100, RM150 dan RM200. Ada juga ibu bapa menghubungi saya untuk pulangkan duit saya tapi saya kata tak mengapa dan halalkan walaupun jumlahnya RM900.

"Mungkin ada yang betul-betul susah dan memerlukan," katanya yang juga bapa kepada empat anak.

Berhubung video yang tular, Erwan berkata dia muat naik di TikTok untuk suka-suka dan kenangan peribadi saja.

"Video itu saya rakam secara spontan saja dan tak sangka boleh tular hingga ramai rakan beri maklum balas.

"Saya tanya dengan anak mengapa buat begitu dan dia diam saja tetapi ada minta maaf. Saya tak marah pun cuma terfikir juga niatnya nak bersedekah kerana mahu membantu memandangkan dia mungkin pernah lihat saya buat benda sama (bersedekah) sebelum ini, jadi dia cuba ikut," katanya.


ERWAN bersama anaknya NUR Ayrazia Rizqa.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | 'SAYA TAK MAKAN TAK APA, JANJI ANAK BAIK' | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 21 JUN 2023 | M/SURAT | : | 10 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# 'Saya tak makan tak apa, janji anak baik'

***Wanita mualaf 'ditinggal' suami, ambil upah kupas jagung, hanya alas perut dengan kopi sepanjang hari demi sara tiga anak kecil***

**Oleh Meor Riduwan Meor Ahmad**
am@hmetro.com.my

**Melaka**

Diuji 'kehilangan' suami yang ditahan dan dihantar pulang ke negara asal Bangladesh pada September tahun lalu seorang ibu tunggal mualaf cekal membesarkan tiga anak kecil bersendirian.

Enggan menagih simpati *dan menyusahkan* pihak lain, Maria Abdullah, 41, nekad mengambil upah mengupas jagung dengan bayaran 90 sen sekilogram demi memastikan duit belanja membeli susu dan makanan anaknya tidak terputus.

Menurutnya, dia bangun sekitar jam 3 pagi dan 'mengikat perut' dengan hanya minum kopi selama 12 jam dan adakala tidak tidur seharian untuk menyiapkan kerja mengupas jagung.

Hasil pekerjaan dilakukan sejak Februari lalu itu, Maria menerima upah antara RM200 hingga RM700 sebulan dan tidak mampu menyekolahkan anak sulung, Rojina, 8, yang sepatutnya berada di darjah dua.

"Saya tak akan biar anak susah, dapat saja duit upah, saya terus beli susu dan makanan. Saya tak makan tak apa, janji anak baik.

"Bangun pagi, saya hanya minum kopi hingga jam 3 atau 4 petang sebelum makan nasi dan sambung kupas jagung," katanya ketika ditemui di rumah sewa di Rumah Pangsa Taman Merdeka, Batu Berendam di sini, semalam.



ASHWAD (tiga dari kanan) mendengar kisah Maria mengenai kesulitan dialami demi membesarkan anak.

Terdahulu, keluarganya disantuni Persatuan Sukarelawan Bencana Melaka (PSBM) yang menyalurkan bantuan wang tunai dan barangan keperluan harian.

PSBM diketuai Presidennya Ashwad Abdul Rahim hadir bersama seorang usahawan dari Selangor K Ganesan yang turut terkesan dengan kedaifan keluarga terbabit.

Disebabkan pendapatan tidak tetap, Maria berpindah-randah kerana tidak mampu bayar sewa dan flat itu rumah ketiga didiami hasil bantuan Majlis Agama Islam Melaka, minggu lalu selepas dia ditempatkan di rumah teres bersama tiga lelaki pekerja warga asing oleh majikannya.

Maria yang memeluk Islam pada 5 Februari 2016 berkata, di rumah sewa lama, dia mengupas jagung yang dihantar majikan setiap hari sambil menjaga tiga anak termasuk dua anak lelaki, Robik serta Rofikbripon masing-masing berusia enam tahun dan setahun.

"Namun sejak tiga hari lalu, saya tidak bekerja kerana majikan susah nak hantar jagung dalam guni sebab rumah berada di tingkat dua sedangkan saya perlukan pekerjaan ini kerana tidak mampu keluar rumah meninggalkan anak.

"Saya harap pihak majikan atau ada pihak lain dapat bantu kerana saya mampu dan sanggup bekerja demi menyara keluarga," katanya yang berasal dari Pokok Mangga di sini.

*Sementara itu,* Ashwad berkata, pihaknya sedia membantu keluarga terbabit termasuk memastikan Rojina bersekolah.

"Disebabkan Maria tidak tahu bawa kenderaan termasuk motosikal, kami bersetuju membayar kos bulanan pengangkutan bas sekolah Rojina," katanya.



**"Saya tak akan biar anak susah, dapat saja duit upah, saya terus beli susu dan makanan"**
*Maria*

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | AJAL DIHEMPAP BUMBUNG SEKOLAH | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 21 JUN 2023 | M/SURAT | : | 05 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |



BUMBUNG Sekolah Menengah Kebangsaan Seg Hwa yang diterbangkan angin menghempap sebuah rumah bersebelahan sekolah.

# Ajal dihempap bumbung sekolah

**Johor Bahru**

## *Wanita maut bumbung sekolah 5,400 kaki persegi diterbangkan angin hempap rumah*

Seorang wanita maut selepas rumahnya dihempap bumbung Sekolah Menengah Kebangsaan Seg Hwa di sini, yang diterbangkan angin, malam kelmarin.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Segamat, Muhd Hazim Abdul Razak berkata, V Mahadevi, 55, disahkan meninggal dunia di lokasi kejadian oleh pihak Kementerian Kesihatan.

Beliau berkata, dalam kejadian itu, lima anggota bomba yang berkejar ke tempat kejadian selepas menerima panggilan kecemasan jam 7.41 malam mendapati bumbung sekolah berkeluasan 5,400 kaki persegi yang diterbangkan angin menghempap sebuah rumah bersebelahan dengan sekolah.

> *Terdapat seorang wanita dikeluarkan orang awam (dari rumah itu) dan wanita berkenaan disahkan meninggal dunia"*
>
> **Muhd Hazim Abdul Razak**

"Terdapat seorang wanita dikeluarkan orang awam (dari rumah itu) dan wanita berkenaan disahkan meninggal dunia. Mayat kemudian diserahkan kepada polis untuk tindakan lanjut," katanya dalam kenyataan, semalam.

Katanya, operasi tamat sepenuhnya jam 8.21 malam.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Segamat, Superintendan Ahmad Zamry Marinsah ketika dihubungi Bernama mengesahkan menerima laporan berhubung kejadian itu.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | INSPEKTOR SHEILA BUAT HAL LAGI? | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 21 JUN 2023 | M/SURAT | : | 06 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

TULAR VIDEO MENCEMUH SEORANG LAGI LANS KOPERAL

# Inspektor Sheila buat hal lagi?

Oleh Mohd Haris Fadli Mohd Fadzil
harisfadli@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

Satu demi satu kontroversi wanita dikenali sebagai Inspektor Sheila muncul selepas tular satu lagi video memaparkan pegawai polis berusia 30-an itu mencemuh seorang lagi anggota berpangkat lans koperal.

Dalam video berdurasi 40 saat itu mula tular kelmarin dimuat naik di media sosial baru-baru ini dipercayai dirakam di Balai Polis Seri Petaling di sini.

"Nama encik siapa, pangkat apa? Lans koperal, banyaknya lans koperal saya bertemu hari ini.

"*In charge* siapa, *you in-charge* ke? Minta SM (sarjan mejar) datanglah saya inspektor...lans koperal kan? Pergi panggil SM.

"Jangan lans koperal bagi saya arahan...jangan ingat saya takut...pangkat lagi tinggi bagi arahan...jangan main-main dengan aku," katanya dalam video itu.

Sementara itu Polis Kuala Lumpur memaklumkan bahawa pegawai kanan terbabit sudah diambil keterangan bagi membantu siasatan berhubung video tular di parkir sebuah pusat beli belah di Brickfields, baru-baru ini.

Terdahulu Harian Metro melaporkan polis mengesahkan menerima laporan kejadian pegawai wanita yang mencetuskan kekecohan di parkir pusat beli-belah di Brickfields di sini.

Ketua Polis Daerah Brickfields Asisten Komisioner Amihizam Abdul Shukor berkata, kertas siasatan sudah dibuka mengikut Seksyen 509 Kanun Keseksaan dan Seksyen 14 Akta Kesalahan Kecil 1955.

Sebelum itu pegawai berkenaan menerima kecaman netizen selepas dua klip video berdurasi 24 dan 10 saat di muat naik di media sosial Khamis lalu memaparkan dirinya mencemuh seorang lagi anggota berpangkat lans koperal dalam kejadian sekitar Gombak, Selangor.

Susulan itu Polis Selangor memanggil pegawai wanita terbabit untuk dirakam keterangan berhubung kejadian berkenaan di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Gombak.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | KERETA BERDENTUM, BERAPI | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 21 JUN 2023 | M/SURAT | : | 09 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

LELAKI RENTUNG, ISTERI SERTA DUA ANAK PARAH

# Kereta berdentum, berapi

Oleh Zuliaty Zulkiffli
am@hmetro.com.my

**Kulim**

Seorang lelaki rentung manakala isteri serta dua anak mereka parah selepas Proton Iswara dinaiki terbakar pada kejadian di Jalan Kulim-Baling di sini, jam 2.20 petang kelmarin.

Ketua Polis Daerah Kulim, Superintendan Mohd Redzuan Salleh berkata, pemandu kereta berkenaan berusia 27 tahun manakala isterinya berumur 28 tahun.

"Isteri mangsa dan dua anak mereka yang berusia tiga serta empat tahun kini dirawat di zon merah Hospital Kulim (HK).

"Hasil siasatan awal, Proton Iswara dinaiki keluarga itu yang datang dari arah Kulim ke Baling dipercayai terbabas ke laluan bertentangan.

"Ia kemudian dilanggar Toyota Camry. Pemandu Toyota Camry yang juga lelaki berusia 46 tahun tidak mengalami kecederaan," katanya, semalam.

Mohd Redzuan berkata, pada masa sama, lesen memandu pemandu Toyota Camry terbabit pula didapati sudah tamat tempoh.



KEMALANGAN maut yang membabitkan dua kereta di Jalan Kulim-Baling yang menyebabkan pemandu kereta Proton Iswara rentung.

> *Hasil siasatan awal, Proton Iswara dinaiki keluarga itu yang datang dari arah Kulim ke Baling dipercayai terbabas ke laluan bertentangan"*
>
> **Mohd Redzuan Salleh**

Kes disiasat mengikut Seksyen 41(1) Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987.

Sementara itu, Pegawai Perhubungan Awam Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Kedah, Penguasa Bomba Abdul Rahim Che Omar berkata, kemalangan menyebabkan pemandu Proton Iswara itu tersepit.

"Mangsa yang tersepit dikeluarkan dengan peralatan khas sebelum diserah kepada polis," katanya.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | NUR SUHADAH NAK JUMPA ALIEF IRFAN | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 21 JUN 2023 | M/SURAT | : | 08 |
| TONE | : | NEUTRAL | SEKTOR | : | KPWKM |

# Nur Suhadah nak jumpa Alief Irfan



NUR Suhadah menjadi kanak-kanak pasif selepas disahkan menghidap sakit buah pinggang. - Gambar NSTP/ SYAHERAH MUSTAFA

**Pasir Mas:** Selepas disahkan menghidap penyakit buah pinggang tiga tahun lalu, keceriaan Nur Suhadah Mohd Pellee, 11, bagaikan 'diragut' dan dia kini lebih banyak menyendiri.

Anak bongsu daripada empat adik beradik itu, bertukar pasif akibat menanggung kesakitan yang kerap menyerang tanpa mengira masa.

Ibunya, Umi Kalsom Ahmad, 43, berkata, anaknya tidak banyak bercakap selain ada masanya dilihat seperti berputus asa.

"Sebagai ibu, saya hanya boleh menasihatinya bersabar dengan ujian Tuhan. Namun ada kalanya saya sendiri tidak dapat menahan air mata melihat penderitaan Suhadah.

"Hospital bagaikan rumah kedua buat Suhadah kerana sering kali dimasukkan ke dalam wad. Malah pada September lalu, dia terpaksa menjalani pembedahan di Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM) Kubang Kerian di Kota Bharu.

"Anak saya turut menyatakan kesedihan kerana terpaksa ponteng ke sekolah memandangkan kesihatannya tidak mengizinkan," katanya ketika ditemui di rumahnya di Kampung Bukit Perah di sini, semalam.

Nasib Suhadah turut mendapat perhatian wakil Thirdforce kelolaan Yayasan Raja Shamri (YRS), Tuan Zaimah Raja Omar, yang hadir menyampaikan sumbangan kewangan dan keperluan asas serta memberi kata-kata semangat buat Suhadah.

Umi berkata, selain sakit buah pinggang, anaknya itu turut diuji dengan asma kronik dan darah tinggi menyebabkan dia perlu mengambil ubat setiap hari.

"Keadaan ini membataskan pergerakannya untuk bermain bersama rakan-rakan. Saya tidak pernah berhenti berdoa Suhadah diberikan kesembuhan dan tidak lagi berada dalam tekanan," katanya.

*"Anak saya turut menyatakan kesedihan kerana terpaksa ponteng ke sekolah memandangkan kesihatannya tidak mengizinkan"*

**Umi Kalsom Ahmad**

Menurutnya, dia dan suami, Mohd Pellee Che Hamat, 46, yang bekerja sebagai pengawal keselamatan tidak mampu menyediakan vitamin tambahan buat Suhadah.

Jelasnya, Suhadah lebih banyak berada di rumah dan menonton saluran YouTube Alief Irfan hampir setiap hari kerana dia meminati setiap pengisian daripada *influencer* berkenaan.

Tambahnya lagi, anaknya itu beberapa kali menyuarakan hasrat untuk berjumpa *influencer* berkenaan namun impiannya itu masih tidak kesampaian.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | PARUT ADA, DENDAM TIADA | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 21 JUN 2023 | M/SURAT | : | 01&02&03 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |



ANAK SUDAH MAAFKAN BAPA SIMBAH ASID

# PARUT ADA, DENDAM TIADA

"Memaafkan abah menenangkan jiwa," demikian celusan hati Nurul Dahyatul Fazlinda Mat Haizan yang pernah melalui pelbagai episod getir dalam hidup selepas menjadi mangsa simbahan asid oleh bapa kandung, 13 tahun lalu. Lapor Noor Hidayah Tanzizi



# 'MAAFKAN ABAH BUAT JIWA KAMI TENTERAM'

*Dua beradik mangsa simbahan asid tak simpan dendam terhadap bapa*



# MAAF CERMINAN KEKUATAN DIRI

*Memberi maaf baik untuk pemulihan diri, emosi serta tindakan*

## Ibu terima takdir menimpa anak

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | PESAKIT KANSER URUS PENDAM DERITA SENDIRI DEMI URUS SUAMI HILANG KAKI | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 21 JUN 2023 | M/SURAT | : | 10 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Pesakit kanser usus pendam derita sendiri demi urus suami hilang kaki

**Kuala Terengganu:** Seorang isteri yang menghidap sakit kanser usus mengetepikan penderitaan ditanggung demi menguruskan suami yang turut sakit.

Norhayati Harun, 43, berkata suami, Mohd Husaini Husin, 42, menghidap penyakit kencing manis menyebabkan kaki kiri dipotong pada 31 Mei lalu.

Menurutnya, dia terpaksa menguruskan suami yang tidak lagi mampu berjalan selepas kaki dipotong paras lutut.

"Saya disahkan menghidap penyakit kanser usus tahap empat enam bulan lalu dan menjalani pembedahan memotong usus akhir tahun lalu.

"Malah, saya diuji apabila kesihatan suami yang menghidap penyakit kencing manis sejak 18 tahun lalu semakin teruk.

"Kini saya bukan sahaja perlu bertarung dengan penyakit kanser usus, malah dalam masa sama perlu menguruskan suami," katanya yang ditemui di Kampung Gong Gemia di sini, semalam.



NORHAYATI menguruskan suami, Mohd Husaini yang kaki kiri dipotong akibat kencing manis ketika ditemui di rumahnya Kampung Gong Gemiai. - Gambar NSTP/FAIZUL AZLAN RAZAK

> "Lebih sedih, kami baru hilang anak kedua yang maut akibat kemalangan dua minggu lalu
> Norhayati

Norhayati berkata, sebelum ini mereka bergantung sepenuhnya kepada suami bagi mencari sumber pendapatan keluarga.

Menurutnya, suami hanya mengambil upah membaikpulih barangan elektrik dengan pendapatan tidak menentu.

"Kini dia tidak dapat bekerja disebabkan masalah kesihatan. Lebih menyedihkan apabila kami kehilangan anak kedua, Muhammad Harraz Fahiem Mohd Husaini, 16, yang meninggal dunia akibat kemalangan jalan raya dua minggu lalu.

"Kami bergantung harap sepenuhnya kepada anak sulung yang juga orang kelainan upaya (OKU) pembelajaran, Muhammad Hairie Fitri Mohd Husaini, 20, dalam membantu urus ayahnya dan mencari belanja.

"Anak (Muhammad Hairie) ambil upah membuat air di kedai bapa saudara selain menjaga kuda di Lembah Bidong, Setiu dengan pendapatan RM400 sebulan," katanya.

Norhayati berkata, dia kini buntu memikirkan sumber kewangan bagi membeli lampin pakai buang, susu dan ubat selepas suami tidak lagi bekerja.

"Kami perlu RM1,000 sebulan untuk beli susu khas, lampin pakai buang dan ubat suami manakala saya perlukan pakai beg plastik khas di perut.

"Selain itu, saya juga perlukan katil dan kerusi roda bagi memudahkan tugas mengurus suami ke bilik air dan bergerak dalam rumah," katanya yang mempunyai anak bongsu, Maryam Hana Fatieha Mohd Husaini berusia tujuh tahun.

Orang ramai yang ingin membantu boleh menyalurkan sumbangan ke akaun BSN 111002900068412 atas nama Norhayati Harun.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | WOMAN DIES AFTER SCHOOL ROOF LANDS ON HER IN STORM | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | NEW STRAITS TIMES |
| TARIKH | : | 21 JUN 2023 | M/SURAT | : | 11 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

STRONG WINDS

# Woman dies after school roof lands on her in storm

**SEGAMAT:** A 55-year-old woman was killed when the roof of a nearby school was lifted by strong winds and crashed into her house in Jalan Tahang Rimau, near here, on Monday.

In the 7.41pm incident, part of the roof of SMJK Seg Hwa was blown away and crashed into the house next door.

The blown-away roof landed in the kitchen, causing the roof of the woman's house to collapse onto the victim.

Segamat Fire Station operations commander Abd Rahim Rahmat said a team was despatched after an emergency call was made.

"The victim was extracted out of a pile of debris from the collapsed roof by residents of the housing estate, before our arrival.

"However, the victim, identified as V. Mahadevi, was pronounced dead by a medical officer at the scene."

The body was surrendered to police for further investigation.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | WOMAN FREED AFTER 6 YEARS BEHIND BARS | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | NEW STRAITS TIMES |
| TARIKH | : | 21 JUN 2023 | M/SURAT | : | 10 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

BABY'S MURDER

# Woman freed after 6 years behind bars



*Nur Izzati Adi (centre) was initially convicted and sentenced to death by the High Court in Kedah for murdering her baby boy in a toilet ather hostel in Kolej Pertanian Malaysia Bukit Kayu Hitam on March 30, 2017.* PIC BY FARIS FUAD

**PUTRAJAYA:** A 26-year-old woman wept when she was freed yesterday after spending almost six years behind bars for causing the death of her newborn six years ago.

Nur Izzati Adi was initially convicted and sentenced to death by the High Court in Kedah for murdering her baby boy by asphyxiation in a hostel toilet on level three of Kolej Pertanian Malaysia Bukit Kayu Hitam at 5.20pm on March 30, 2017.

The Court of Appeal, however, freed Nur Izzati after deputy public prosecutor Mohammed Mokhzani Faris Mokhtar said the Attorney-General's Chambers had accepted the accused's representation for the charge to be reduced to infanticide under Section 309A of the Penal Code.

Judge Datuk Hadhariah Syed Ismail, who led a three-member bench, asked the Prisons Department officers to remove Nur Izatti's handcuffs before allowing her to walk free.

Counsel Datuk Amirul Ridzuan Hanif appeared for Nur Izatti.

On June 14, 2020, the Alor Star High Court sentenced Nur Izatti to death after finding her guilty of killing her baby.

However, the execution was stayed and she was ordered to serve a prison sentence pending the appeal process.

The eldest of four children was charged under Section 302 of the Penal Code, which carries the mandatory death penalty upon conviction.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | FATIMAH: MINISTRY KEEN TO RESOLVE ADOPTED CHILDREN ISSUE | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | THE BORNEO POST |
| TARIKH | : | 21 JUN 2023 | M/SURAT | : | 03 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |



Fatimah (right) shows one of the recipients his Temporary Personal Documents for Individuals Without Citizenship in Sarawak (DSITKS). — Photos by Roystein Emmor

# Fatimah: Ministry keen to resolve adopted children issue

**Galileo Petingi**

**KUCHING:** The Ministry of Women, Childhood and Community Wellbeing Development is examining ways to resolve the issue of adopted children in Sarawak who are registered Malaysian citizens but are denied the K-indicator in their identification cards.

Its minister Dato Sri Fatimah Abdullah said her ministry would discuss this further with the relevant agencies, with the view to grant them the K-indicator, especially those whose foster parents are from Sarawak.

"We will discuss this (with the relevant agencies) as there is a need to take into account another factor, which is the proof of their existence in Sarawak.

"We will deliberate on what the criteria are that enable one to get the K-indicator. Some of our proposals include the inclusion of the indicator of adopted children whose foster parents' identification cards have the K-indicator. However, there must be proof of their existence in Sarawak, and how long has the child been adopted," she added.

She said this when met by reporters after presenting the Temporary Personal Documents for Individuals Without Citizenship in Sarawak (DSITKS) to 24 individuals at the Community Social Support Centre here yesterday afternoon.

Fatimah said the issue arose when adopted children born in Sarawak do not have any relevant information provided by their biological parents, adding that granting the K-indicator depended on the indicator of either one of the parents based on the birth certificate of the child.

Although the child has been granted Malaysian citizenship under 15A of the federal constitution, the K-indicator cannot be granted to the child automatically.

"If the child reaches 21, and with the absence of the K-indicator, they will have to apply for work permits.

"If they want to continue their studies and apply for scholarships from Yayasan Sarawak, for instance, it would be difficult for them as they do not have the K-indicator in their MyKad," she added.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | MINISTRY HAS RECEIVED 608 DSITKS APPLICATION AS OF MAY 31 | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | THE BORNEO POST |
| TARIKH | : | 21 JUN 2023 | M/SURAT | : | 03 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |



Hew (right) alongside her husband and her three children, with two of them having received the DSITKS.

# Ministry has received 608 DSITKS applications as of May 31

**KUCHING:** A total of 608 applications for the Temporary Personal Documents for Individuals Without Citizenship in Sarawak (DSITKS) have been received by the Ministry of Women, Childhood and Community Wellbeing Development as at May 31 this year, says its minister Dato Sri Fatimah Abdullah.

She said from the total number of applications, 209 of them have met the stipulated requirements while the remaining 399 applications did not.

"On the issuance of DSITKS, for the first batch, 86 applications that have met the requirements have been approved by the Department of Premier of Sarawak on Feb 24. Eleven of 86 recipients have received their Malaysian citizenship under Article 15A of the Federal Constitution on March 9.

"For the second batch, 60 applications have been approved on May 30. Thirty-one of them are applicants from Kuching Division and six from Serian Division.

"Applications for the third batch will be approved at the end of this month," she added.

She said this when met at the presentation of DSITKS to 24 recipients from Kuching and Serian divisions at Community Social Support Centre in Jalan Abell here yesterday afternoon.

Fatimah said those eligible for DSITKS are individuals or children born in Sarawak aged 21 and below, with one of their biological parents being a Sarawakian, possess a birth certificate registered in Sarawak, and have applied for citizenship under Article 15A of the Federal Constitution.

The document is valid for two years and the children can receive healthcare and education in the state.

When met by reporters after the event, mother-of-three Hew A Nyat said she was glad that her eldest son and daugher have received the documents.

"I just have to submit the relevant documents for the application to the ministry, and after just four days ago I received the good news that the DSITKS for my son and my daughter have been approved," she added.

Hew, who is an Indonesian married to a Sarawakian, recalled her hardships of sending her two children to school because they did not have the necessary documents.

She said she had to go several times to the Immigration Department as well as Padawan Education Office in trying to get the relevant documents.

"On sending them to government clinics, it is still a breeze. We only have to show our marriage certificate and pay RM1 for them to receive treatments," she added.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | SIX 'KNOW YOUR MEDICINE' AMBASSADORS TO BE APPOINTED WITHUN PWD COMMUNITY - DR ZALIHA | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | THE BORNEO POST |
| TARIKH | : | 21 JUN 2023 | M/SURAT | : | 02 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Six 'Know Your Medicine' ambassadors to be appointed within PwD community — Dr Zaliha

**PUTRAJAYA:** Six persons with disabilities (PwD) will be appointed as 'Know Your Medicine' ambassadors to provide accurate and authentic information about medicines to people with hearing, sight and speech disabilities, says Health Minister Dr Zaliha Mustafa.

She said the selected individuals would undergo structured and comprehensive training in order to better understand and be able to share basic information about medicines.

According to Dr Zaliha, the ambassadors will act as community health agents to assist the Ministry of Health in disseminating this information to their respective communities.

"This is the Ministry of Health's commitment to ensure that all Malaysians are accorded their rights and provided with accurate and authentic information about health, especially with regard to the rational use of medicines," she said when officiating at the 2023 Know Your Medicine Conference at the national-level here yesterday.

The chosen ambassadors would be representatives from the National Council for the Blind Malaysia (NCBM), the Malaysian Association for the Blind (MAB) and the Malaysian Federation of the Deaf (MFD), she added.

"These ambassadors will share with their respective communities about the importance of taking registered medicines, the right way to take medicine, the right way to deliver medicine, beware of buying medicine online and seeking the advice of a pharmacist if there is an issue related to medicines," she said.

The ambassador programme for the disabled is a follow-up to the successful Know Your Medicine Ambassador programme launched in 2012 which aims to empower influential community representatives to deliver basic information related to medicines.

Since its launch, the number of trained ambassadors has increased from 145 in 2012 to 1,775 in 2022.

Siti Huraizah Ruslan, 39, from MAB, said the programme would be able to help the visually impaired to get accurate information related to medicines since crowded medicine dispensaries in hospitals and health clinics limited the interaction time between the group and pharmacists to get further clarification.

"We visually impaired people face problems when collecting medicine at the counters because there is limited time to get further and clear explanations from the pharmacist.

"So with the disabled themselves appointed as ambassadors, that makes it easier for information related to medicines to be disseminated quickly and widely to their respective communities so that they know the correct and safe way to consume them," she said.

MFD president Mohammad Sazali Shaari, 65, said individuals with hearing and speech impairment faced difficulties in understanding how to take different types of medicines considering that they could only rely on their sight to look at labels and any instructions provided.

"People with hearing and speech impairment find it difficult to get more information about medicines, for example, on how to take them, because there are different ways of doing so.

"So by having ambassadors to the community, we can recognise how to use medicine correctly through sign language," he said.

He also suggested that sign language interpreters be placed in health facilities to facilitate communication between health workers and those with hearing and speech disabilities since they could not hear or receive proper explanations from medical personnel about the health problems they faced. — Bernama

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | THREE WOMEN FINED JAILED FOR THEFT | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | THE BORNEO POST |
| TARIKH | : | 21 JUN 2023 | M/SURAT | : | 06 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Three women fined, jailed for theft

**KUCHING:** The Magistrates' Court here yesterday sentenced two women to six days in jail and RM2,000 fine in default four months' jail each, while an Indonesian woman was jailed four months for stealing several clothes including a pair of bra from a retail store in a mall here.

Magistrate Zaiton Anuar imposed the sentences on Dayang Zaridah Abang Safian, 37, Edthma Siti Adzurezan Hassan, 33, and Fransiska Afriani, 28, after they pleaded guilty to a charge under Section 380 of the Penal Code read together with Section 34 of the same Code.

The Section provides for a jail term that may extend to 10 years and a fine.

They committed the offence at retail store in a mall located in Jalan Wan Alwi here at 6.24pm on June 14.

Based on the facts of the case, an employee of the store heard the alarm after it detected unpaid items when the three exited the premises.

A check on the CCTV footage found that the trio had stolen a body shaper, two pairs of leggings, a pair of bra, and a pair of shorts worth about RM400.

A report was made to the mall's auxiliary police who then caught and handed the three women over to the police at 7.20pm, for further action.

Insp Merylene Lindan Andrew Mang prosecuted the case, while Dayang Zaridah, Edthma Siti, and Fransiska, were unrepresented by any legal counsel.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | VOLUNTEERS TO CONDUCT COMMUNITY SERVICE PROGRAMME AT LONG TEPEN JUNE 24-25 | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | THE BORNEO POST |
| TARIKH | : | 21 JUN 2023 | M/SURAT | : | 10 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Volunteers to conduct community service programme at Long Tepen June 24-25

**MIRI:** A delegation of 40 volunteers will be travelling in 15 four-wheel-drive vehicles from Miri City to the rural village of Long Tepen in Pelutan, Baram to conduct a rural community service programme from June 24 to 25.

The outreach programme, a collaboration between Lions Club of Batu Niah, Persatuan Kebajikan Pembangunan Komuniti Miri and The Twin Brother Patisserie, will be providing medical check-up, fire briefing and demonstration, dental check-up and hair cut service besides distribution of food aid to the residents of Long Tepen. The rural village is located over four hours' drive from Miri City.

Vice-organising chairman Andy Jong Wan Joon in a press statement yesterday said preparation for the two-day, one-night programme has been going on, and they are very thankful to sponsors who have been contributing necessary items to be used at the programme.

"We like to thank PMG Medical Clinic Morsjaya for sponsoring blood sugar checking strips and machine, as well as Tong Seng Huat Rice Trading Sdn Bhd and Liansin Trading Sdn Bhd for sponsoring 100 5kg packets of rice.

"We would also like to thank Miri MP Chiew Choon Man for supporting the project; as well as sponsors; namely KM Mobil Sdn Bhd, I.Dear Event, Emerson Picture Co, Aoki Japanese Restaurant, TF Flooring Sdn Bhd, Victory Agencies & Services, Derek Drinking Water, 2020 Café, PMG Medical Clinic Morsjaya, Vivian Unisex Salon, Fade Station Barber Shop and Hoyudo Delivery Fresh Mart for sponsoring and supporting our community service project," said Jong.

He added that the programme is also supported by Malaysia Fire and Rescue Department (Bomba), Miri Hospital and Miri Division Dental Clinic.




PMG Medical Clinic Morsjaya representative Dr Wong Wang Ming (centre) handing over the sponsored blood sugar checking strips and machine to co-organising chairman Lee Jun Tak. Jong is at the right.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | WOMAN KILLED BY ROOF BLOWN FROM SCHOOL IN SEGAMAT | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | THE BORNEO POST |
| TARIKH | : | 21 JUN 2023 | M/SURAT | : | 07 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Woman killed by roof blown from school in Segamat

**JOHOR BAHRU:** A woman was killed after strong winds blew down a roof of a school at Jalan Tahang Rimau, Segamat Monday night.

Segamat Fire and Rescue station chief Muhd Hazim Abdul Razak said the victim, identified as V. Mahadevi, 55, was confirmed dead at the scene by a Health Ministry medical officer.

He said five firemen were rushed to the scene after they received a distress call at 7.41 pm.

"Upon arriving, we found the roof of Sekolah Menengah Kebangsaan Seg Hwa had been blown off by the wind and landed on a house located next to the school.

"A woman was pulled out from the rubble by members of the public but the victim was confirmed dead at the scene. The body was handed over to the police for further action," he said in a statement yesterday. — Bernama

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | WOMAN KILLED BY ROOF BLOWN OFF IN WINDSTORM | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | THE SUN DAILY |
| TARIKH | : | 21 JUN 2023 | M/SURAT | : | 04 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Woman killed by roof blown off in windstorm

**JOHOR BAHRU:** A woman was killed on Monday after strong winds blew off the roof of a school at Jalan Tahang Rimau in Segamat, which then landed on her house.

Segamat Fire and Rescue station chief Muhd Hazim Abdul Razak said the victim, identified as V. Mahadevi, 55, was confirmed dead at the scene by a Health Ministry medical officer.

He added that five firefighters were rushed to the scene after they received a distress call at 7.40pm.

"Upon arriving, we found the roof of Sekolah Menengah Kebangsaan Seg Hwa had been blown off by the wind and landed on a house located next to the school.

"A woman was pulled out from the rubble by the public but the victim was confirmed dead at the scene. The body was then handed to police for further action," he said. – Bernama

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | 24 KANAK-KANAK TERIMA DOKUMEN SEMENTARA INDIVIDU TANPA KEWARGANEGARAAN DI SARAWAK | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 21 JUN 2023 | M/SURAT | : | 06 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# 24 kanak-kanak terima Dokumen Sementara Individu Tanpa Kewarganegaraan di Sarawak

**KUCHING:** Kerajaan Sarawak telah menyerahkan Dokumen Sementara Individu Tanpa Kewarganegaraan di Sarawak (DSITKS) kepada 24 penerima terdiri daripada kanak-kanak dari Kuching dan Serian di sini.

Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti (KPWK) Dato Sri Farimah Abdullah berkata, meneruskannya kanak-kanak yang tidak memiliki status kewarganegaraan itu kini berupaya mendapatkan akses kepada perkhidmatan pendidikan dan kesihatan yang disediakan kerajaan di negeri ini.

"Melalui DSITKS yang dikeluarkan oleh Kerajaan Sarawak, sekolah dan klinik awam boleh mendapat akses maklumat akan pemegang dalam satu bentuk instrumen yang padat yang telah diluluskan oleh Jabatan Premier Sarawak.

"Tempoh sah laku dokumen sementara itu juga adalah selama dua tahun dari tarikh kelulusan pengeluarannya," kata beliau yang turut mengumumkan kumpulan berkenaan merupakan yang kedua selepas yang dilaksanakan pihaknya untuk 12 kanak-kanak di Miri, Jun lalu.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Penyerahan DSITKS Bahagian Kuching dan Serian di Pusat Sokongan Sosial Komuniti (CSSC) Kuching semalam.

Tambahnya, bagi kumpulan yang kedua itu sebanyak 60 permohonan yang memenuhi syarat di seluruh negeri telah diluluskan oleh Jabatan Premier Sarawak pada 30 Mei lalu.

"Daripada jumlah tersebut 31 orang adalah pemohon dari daerah Kuching dan Lundu, yang mana seramai enam sudah mendapat kelulusan status kewarganegaraan Malaysia di bawah Perkara 15A, Perlembagaan Persekutuan.

"Manakala bagi bahagian Serian pula, seramai enam pemohon telah diluluskan DSITKS bagi kumpulan kedua iaitu tiga dari Serian, seorang dari Tebedu dan dua dari Siburan.

"Hanya seorang sahaja yang sudah mendapat kelulusan status kewarganegaraan setakat ini," jelasnya.

Dalam hal berkaitan, Fatimah menjelaskan sebanyak 608 permohonan bagi DSITKS telah diterima KPWK dari 1 November 2022 hingga 31 Mei lalu.

"Daripada jumlah ini, sebanyak 209 permohonan atau 34 peratus memenuhi syarat dan 399 permohonan, 66 peratus tidak memenuhi syarat yang telah ditetapkan.

"Sebanyak 86 permohonan bagi kumpulan pertama yang memenuhi syarat telah diluluskan oleh Jabatan Premier Sarawak pada 24 Februari lalu.

"Daripada jumlah tersebut, sebanyak 11 penerima DSITKS telah mendapat status kewarganegaraan Malaysia di bawah Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan yang disampaikan pada 9 Mac lalu," jelasnya.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | EKSEKTIF AKAUN DITUDUH PECAH AMANAH WANG SYARIKAT LEBIH RM600,000 | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 21 JUN 2023 | M/SURAT | : | 13 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Eksekutif akaun dituduh pecah amanah wang syarikat lebih RM600,000

MELAKA: Seorang eksekutif akaun wanita sebuah syarikat didakwa di dua buah Mahkamah Sesyen semalam atas enam pertuduhan pecah amanah berjumlah RM680,108.13.

Tan Siau Ling, 43, mengaku tidak bersalah terhadap tiga pertuduhan di hadapan Hakim Darmafikri Abu Adam dan tiga lagi di hadapan Hakim Mohd Sabri Ismail.

Bagi tiga pertuduhan, dia dituduh memindahkan wang berjumlah RM293,249.28 ke dalam akaun peribadinya di sebuah premis di Jalan PM 5, Plaza Mahkota Melaka, di sini, antara 4 Julai 2019 hingga 23 Oktober 2019.

Timbalan Pendakwa Raya Aliff Asraf Anuar Sharuddin memohon jaminan RM80,000 dengan seorang penjamin berserta syarat tambahan tertuduh menyerahkan pasport kepada mahkamah dan melapor diri di balai polis sebulan sekali.

Wanita itu yang tidak diwakili peguam merayu agar jaminan dikurangkan kerana tidak mempunyai wang.

Darmafikri menetapkan jaminan RM20,000 dengan seorang penjamin dan membenarkan syarat tambahan.

Bagi tiga pertuduhan lagi, Tan didakwa melakukan perbuatan sama membabitkan jumlah RM386,858.85 dengan memasukkan wang berkenaan ke dalam akaun peribadinya serta sebuah syarikat lain.

Dia dituduh melakukan perbuatan itu di tempat dan tarikh sama.

Pertuduhan mengikut Seksyen 408 Kanun Keseksaan dan boleh dihukum di bawah seksyen sama yang membawa hukuman penjara minimum satu tahun dan maksimum 14 tahun dan sebat dan denda.

Timbalan Pendakwa Raya Muhammad Nazrin Ali Rahim mencadangkan jaminan RM40,000 dengan seorang penjamin berserta syarat tambahan sama manakala tertuduh memohon jaminan dikurangkan atas alasan serupa.

Hakim Mohd Sabri menetapkan jaminan RM35,000 dan membenarkan syarat tambahan. Sebutan kes ditetapkan pada 18 Julai. — Bernama

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | IBU BAPA LEGA DSTIKS BOLEHKAN ANAK MEREKA DAPAT PENDIDIKAN LEBIH BAIK | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 21 JUN 2023 | M/SURAT | : | 06 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Ibu bapa lega DSTIKS bolehkan anak mereka dapat pendidikan lebih baik

**KUCHING:** Ibu bapa kepada anak tanpa kewarganegaraan kini berasa lega kerana Dokumen Sementara Individu Tanpa Kewarganegaraan di Sarawak, (DSTIKS) membolehkan anak mereka mendapat akses pendidikan yang lebih baik.



RAWI



**LEGA: Maria dan anaknya Lionell menunjukkan dokumen sementara yang diterimanya semalam.**

Maria Magdalena, ibu kepada Lionell Jeffvelinne Japar George Maradona, 11, ketika ditemui mengucapkan berbanyak terima kasih kepada kerajaan negeri.

"Kami membuat permohonan pada awal tahun 2022 dan dihubungi tiga hari lalu untuk menerima dokumen sementara ini.

"Sesungguhnya saya sebagai ibu memang berasa amat lega kerana sebelum ini mengalami kesukaran mendapatkan pinjaman buku teks dan kami kena bayar yuran kepada Pejabat Pendidikan Dearah (PPD) sebanyak RM120 setiap setahun.

"Puji Tuhan, dia tidak pernah sakit, cuma demam biasa sahaja," katanya kepada pemberita selepas ditemui pada Majlis Penyerahan Dokumen Sementara Individu Tanpa Kewarganegaraan di Sarawak (DSTIKS) semalam.

Lionell menyimpan hasrat untuk mengejar citacitanya sebagai pendidik dan memahami mengambil masa untuk memproses kewarganegaraan baginya.

Maria yang berasal dari sebuah perkampungan di Sri Aman dekat perbatasan Kalimantan Barat, Indonesia cuma mempunyai seorang sahaja anak.

Sementara itu, Isnah 37, berkata anak sulungnya Tan Jia Ying, 15, mengalami kesukaran mendapat pinjaman buku teks di sekolah.

Dia dan suaminya juga terpaksa berbelanja besar untuk membawa pulang anak sulungnya itu ke kampung halaman di Pontianak, Indonesia.

"Saya terpaksa berbelanja sehingga RM2,000 untuk beliau seorang sahaja, tersangat mahal dan biasanya kalau pulang ke kampung, kami terpaksa pergi tanpa anak sulung saya itu," tambahnya.

Sebelum ini dia yang tidak mempunyai surat perkahwinan sewaktu melahirkan anak pertamanya itu juga berbelanja besar untuk tujuan perubatan.

"Sekolah juga terpaksa bayar dan mahal bagi keluarga kami. Semua jenis bantuan sukar untuk dipohon," jelasnya kepada pemberita.

Rawi, 29, dari Kembayan daerah Sangau, Indonesia pula amat berterima kasih kepada kerajaan negeri atas penyerahan dokumen berkenaan.

Telah bermastautin selama sembilan tahun di Sarawak, dia gembira anak sulungnya akan mendapat bantuan buku teks sekolah.

Kesukaran itu juga berlaku kerana ketika melahirkan anak sulungnya itu dia tidak mempunyai sijil perkahwinan.

Dokumen sementara itu boleh digunakan mereka selama dua tahun.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | KPWK KOMITED PERHALUSI ISU PEMBERIAN INDIKATOR 'K' | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 21 JUN 2023 | M/SURAT | : | 06 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# KPWK komited perhalusi isu pemberian indikator 'K'

## Ia ekoran indikator 'K' harus ikut indikator ibu atau bapa tertakluk kepada sijil kelahiran asal anak angkat: Fatimah

Oleh Henrietta Liza

**KUCHING: Kementerian Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti (KPWK) komited dalam usaha memperhalusi beberapa perkara berkaitan isu pemberian indikator 'K' dalam kad pengenalan khususnya bagi kes anak angkat di Sarawak.**

Menterinya Dato Sri Fatimah Abdullah berkata, perkara tersebut adalah ekoran indikator 'K' berkenaan harus mengikut indikator ibu atau bapa tertakluk kepada sijil kelahiran asal anak tersebut.

"Apa yang menjadi masalah adalah apabila terdapat kes yang ibu dan bapa kandung anak tersebut tidak dapat dikesan, terutama berhubung kes bayi yang ditinggalkan tanpa sijil lahir.

"Buat masa ini, indikator K untuk rakyat Sarawak adalah berdasarkan syarat yang ditetapkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) mengikut Jadual Pertama dan Jadual 1A Subperaturan 5(2) Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika ditemui selepas menyempurnakan penyerahan Dokumen Sementara Individu Tanpa Kewarganegaraan di Sarawak (DSITKS) Bahagian Kuching dan Serian di Pusat Sokongan Sosial Komuniti (CSSC) Kuching di sini semalam.

Tambahnya, sebagai rakyat Sarawak, indikator 'K' berkenaan adalah sangat penting kerana tanpanya akan menjejaskan kelayakan mereka untuk memohon pinjaman biasiswa pengajian atau memohon pekerjaan di dalam negeri.

"Justeru, kita hendak memberikan fokus kepada isu ini dan melihat secara terperinci kemungkinan ada kes lain juga yang berkaitan," ujarnya.



**MESRA: Fatimah (kanan) melihat dokumen sementara yang disampaikan kepada salah seorang penerima kanak-kanak yang ditemani ibunya semalam.** — Gambar Roystein Emmor

Fatimah turut memaklumkan terdapat keperluan mendesak untuk mempunyai peraturan dan garis panduan yang lebih jelas memandangkan kes anak angkat dimasukkan ke dalam kategori lain-lain.

"Kita juga akan membincangkan cadangan untuk mengambil kira status ibu bapa angkat sebagai kriteria untuk pemberian indikator tersebut.

"Selain itu, terdapat juga keperluan untuk melihat sama ada anak angkat itu dilahirkan di Sarawak termasuk tempoh keberadaan anak tersebut di negeri ini.

"Kami mahu menangani isu ini dan mendapatkan penjelasan mengenai proses itu supaya kami boleh tahu ke mana permohonan itu pergi, siapa yang akan memutuskan sama ada ia diluluskan atau sebaliknya.

"Kami hendak kaji perkara ini secara terperinci kerana kami tidak mahu kes masuk dalam kategori lain-lain," jelasnya kepada pemberita.

Selepas ia diperhalusi kelak maka ia akan dibentangkan pihaknya kepada Kabinet Negeri.

"Justeru, ia akan ditentukan oleh Kabinet mengenai garis panduan pemberian indikator K khususnya melibatkan anak angkat yang tidak dapat mengesan ibu bapa kandung dan sebagainya," katanya.

> "Apa yang menjadi masalah adalah apabila terdapat kes yang ibu dan bapa kandung anak tersebut tidak dapat dikesan, terutama berhubung kes bayi yang ditinggalkan tanpa sijil lahir."

**Dato Sri Fatimah Abdullah**
*Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti*

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | PEMANDU TRELER DIDAKWA PANDU TAK CERMAT HINGGA SEBABKAN KEMATIAN DUA BERADIK | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 21 JUN 2023 | M/SURAT | : | 13 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Pemandu treler didakwa pandu tak cermat hingga sebabkan kematian dua beradik

**KUANTAN:** Seorang pemandu treler mengaku tidak bersalah di Mahkamah Majistret di sini semalam terhadap pertuduhan memandu tidak cermat sehingga mengakibatkan kematian dua beradik minggu lepas.

Muhammad Noor Azwan Abd Saman, 31, didakwa melakukan perbuatan itu sehingga menyebabkan kematian pemandu kereta Siti Nur Alia Saffiyah Zulkifli, 18, dan penumpang Siti Mazurah, 30, berhampiran lampu isyarat Felda Lepar Hilir di sini, pada 11 malam, 13 Jun lepas.

Bapa kepada tiga anak itu didakwa mengikut Seksyen 41(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987, yang membawa hukuman penjara maksimum 10 tahun dan denda tidak lebih RM50,000 selain hilang kelayakan memegang atau mendapatkan lesen memandu tidak kurang dua tahun, jika sabit kesalahan.

Timbalan Pendakwa Raya Fadhlin Hani Khairon menawarkan jaminan sebanyak RM15,000, namun tertuduh yang tidak diwakili peguam merayu jumlah itu dikurangkan atas alasan dia berpendapatan RM3,000 sebulan dan menanggung isteri, anak serta ibu.

Majistret Fatinah Abu Bakar menetapkan jaminan RM7,000 dengan seorang penjamin dan mengarahkan lesen memandu tertuduh digantung sehingga kes selesai.

Sebutan semula kes ditetapkan pada 21 Julai.

Media sebelum ini melaporkan dua beradik itu maut selepas kereta mereka dirempuh lori tangki membawa muatan petroleum yang terbabas ke laluan bertentangan.

Kejadian yang berlaku semasa hujan itu menyebabkan kereta yang dipandu Siti Nur Alia Saffiyah terperosok ke bawah lori tangki dan kedua-dua mangsa disahkan meninggal dunia di tempat kejadian. — Bernama



**DIDAKWA: Muhammad Noor Azwan (kiri) mengaku tidak bersalah di Mahkamah Majistret di Kuantan semalam terhadap pertuduhan memandu tidak cermat sehingga mengakibatkan kematian dua beradik minggu lepas. Muhammad Noor Azwan didakwa melakukan perbuatan itu sehingga menyebabkan kematian pemandu kereta Siti Nur Alia Saffiyah dan penumpang Siti Mazurah berhampiran lampu isyarat Felda Lepar Hilir pada 11 malam, 13 Jun lepas.** — Gambar Bernama

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | TIGA SEKAWAN MENGAKU SALAH CURI PAKAIAN DARI KEDAI PUSAT BELI-BELAH | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 21 JUN 2023 | M/SURAT | : | 02 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Tiga sekawan mengaku salah curi pakaian dari kedai pusat beli-belah

**KUCHING:** Dua wanita tempatan dijatuhi hukuman penjara enam hari dan denda RM2,000 setiap seorang, manakala seorang wanita Indonesia dipenjara empat bulan oleh Mahkamah Majistret di sini semalam kerana mencuri beberapa helai pakaian termasuk sepasang coli dari sebuah kedai di pusat beli-belah di sini.

Majistret Zaiton Anuar menetapkan demikian terhadap Dayang Zaridah Abang Safian, 37, Edthma Siti Adzurezan Hassan, 33, dan Fransiska Afriani, 28, selepas mereka masing-masing mengaku bersalah sebaik didakwa mengikut Seksyen 380 Kanun Keseksaan dibaca bersama Seksyen 34 Kanun sama.

Seksyen berkenaan memperuntukkan hukuman penjara sehingga 10 tahun dan boleh didenda, dan bagi kesalahan berikutnya boleh membawa hukuman penjara, denda atau sebatan jika sabit kesalahan.

Mahkamah dalam pada itu memerintahkan Dayang Zaridah dan Edthma masing-masing untuk dipenjara empat bulan sekiranya gagal membayar denda.

Mengikut pertuduhan, tiga sekawan itu didakwa melakukan kesalahan tersebut di sebuah kedai terletak di pusat beli belah di Jalan Wan Alwi di sini sekitar jam 6.24 petang pada 14 Jun lalu.

Berdasarkan fakta kes, pekerja kedai (pengadu) sedang bekerja pada hari kejadian semasa dia diberitahu oleh kakitangan bahawa pengimbas kedai berbunyi selepas tiga wanita itu keluar dari premis berkenaan.

Semakan rakaman kamera litar tertutup (CCTV) dilakukan dan pengadu mendapati tiga sekawan itu mencuri sehelai pakaian, dua helai seluar untuk kegunaan wanita mengandung (legging), sepasang coli dan sehelai seluar pendek.

Berikutan itu, pengadu merujuk kejadian kepada Polis Bantuan pusat beli-belah dan seterusnya menghubungi pihak polis untuk tindakan lanjut sehingga membawa kepada penangkapan tiga wanita berkenaan sekitar jam 7.20 malam.

Hasil siasatan mendapati anggaran kerugian adalah RM400 dan kesemua tertuduh juga didapati keluar dari premis bersama barangan tersebut tanpa membuat sebarang pembayaran.

Pendakwaan dilakukan oleh Pegawai Pendakwa Inspektor Merylene Lindan Andrew Mang, sementara tiga sekawan itu tidak diwakili peguam.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | WANITA MAUT SELEPAS RUMAH DIHEMPAP BUMBUNG SEKOLAH YANG DITERBANGKAN ANGIN | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 21 JUN 2023 | M/SURAT | : | 13 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Wanita maut selepas rumah dihempap bumbung sekolah yang diterbangkan angin

**JOHOR BAHRU:** Seorang wanita maut selepas rumahnya dihempap bumbung Sekolah Menengah Kebangsaan Seg Hwa di sini yang diterbangkan angin, malam kelmarin.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Segamat Penolong Penguasa Bomba Muhd Hazim Abdul Razak berkata V. Mahadevi, 55, disahkan meninggal dunia di lokasi kejadian oleh pihak Kementerian Kesihatan.

Beliau berkata dalam kejadian malam kelmarin lima anggota bomba yang berkejar ke tempat kejadian selepas menerima panggilan kecemasan pada pukul 7.41 malam mendapati bumbung sekolah berkeluasan 5,400 kaki persegi yang diterbangkan angin telah menghempap sebuah rumah bersebelahan dengan sekolah.

"Terdapat seorang wanita dikeluarkan oleh orang awam (dari rumah itu) dan wanita berkenaan disahkan meninggal dunia. Mayat kemudiannya diserahkan kepada pihak polis untuk tindakan lanjut," katanya dalam kenyataan semalam.

Katanya operasi tamat sepenuhnya pada pukul 8.21 malam.

Sementara itu Ketua Polis Daerah Segamat Supt Ahmad Zamry Marinsah ketika dihubungi Bernama mengesahkan menerima laporan berhubung kejadian itu. — Bernama